



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (28)  
Tarikh : 3 November 2020

## **KENYATAAN MEDIA**

### **SALAM TAKZIAH KEPADA AHLI KELUARGA DAN ANGGOTA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

Saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada ahli keluarga PgKB II Alias Abu, anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang bertugas di Bahagian Operasi Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Malaysia negeri Sabah yang meninggal dunia semalam akibat Covid-19.

Pemergiannya itu merupakan satu kehilangan besar buat keluarga Bomba Malaysia, yang selama ini tanpa mengenal erti penat dan lelah terlibat secara langsung dalam melakukan operasi sanitasi awam, dalam usaha negara menekang penularan wabak Covid-19.

Saya mendoakan ahli keluarga, sanak saudara dan sahabat handai serta seluruh anggota Bomba tabah dan sabar dengan ujian yang menimpa ini.

Marilah kita mendoakan semoga roh Allahyarham Alias Abu dicucuri rahmat dan diberikan kebaikan atas amal yang soleh serta ditempatkan bersama para syuhada'.

Al-Fatihah

#### **YB Zuraida Kamaruddin**

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

3 November 2020

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)